

Hanya syarikat B-putera boleh beli saham khas — Dr. M

KUALA LUMPUR, Isnin — Saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputera menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hanya dibenarkan dijual kepada syarikat-syarikat dan perbadanan Bumiputera.

Bumiputera perseorangan tidak lagi diizinkan membeli saham tersebut kerana seblangan mereka menjualkan semula sahamnya kepada orang asing.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menjelaskan demikian kepada para pemberita di sini hari ketika diminta menghuraikan pendirian Kerajaan terhadap pemindahan saham kepada Bumiputera sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyesal sikap setengah-setengah Bumiputera yang menjualkan sahamnya kepada orang asing.

Siasat

Katanya, Kerajaan menyiasat perkara ini dan mengetahui siapakah mereka yang menjualkan saham kepada bukan Bumiputera.

Katanya lagi, Kerajaan pernah meminta pihak berkenaan menjualkan semula saham mereka kerana pihak berkuasa tapi golongan itu enggan berbuat demikian.

Oleh itu, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, Bumiputera perseorangan dilarang menjual saham kepunyaan mereka di pasaran terbuka. Sebaliknya, saham itu hendaklah dijual kepada Permodalan Nasional Berhad.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, peraturan memastikan penjualan saham untuk Bumiputera hanya dikhaskan kepada syarikat atau perkumpulan, dikuatkuasakan sejak September lalu.

Saham yang dijual menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, lazimnya adalah lebih murah dari yang ditawarkan di pasaran terbuka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia